

Sebahagian peserta Kursus dan Ceramah Pembenihan Koloni Lebah Kelulut yang diadakan di UTHM, semalam.

# Teraju penternakan lebah kelulut

JBEES sasar pada 2021 industri berkenaan popular di Johor, mahu lebih ramai usahawan terlibat

■ KAMARUL HALIM M KAMAL

**BATU PAHAT** - Penternakan lebah kelulut merupakan industri yang popular di utara dan pantai timur negara.

Namun, di kawasan selatan tanah air, terutamanya di Johor ia agak asing dan tidak ramai usahawan yang menceburi industri berkenaan.

Walaupun telah ada mula mencubanya, tetapi ramai yang hanya se-paruh jalan.

Di Johor telah bertapak satu persatuan yang melibatkan diri dalam penternakan serangga unik ini selain berperanan sebagai rujukan kepada usahawan yang ingin memertkannya.

Presiden Persatuan Usahawan Lebah Kelulut Johor (JBEEs), Hazrul Nizam Abu Bakar berkata, sebagai peneraju penternakan serangga berkenaan, pihaknya berharap akan lebih ramai lagi individu menjadi usahawan dalam industri ini di Johor.

Katanya, dengan menasarkannya pada 2021 industri lebah kelulut popular di negeri ini, pihaknya sedia membimbing mereka yang bermi-



Pak Long (duduk, kanan) memberikan penerangan berkaitan koloni dan teknik pemecahan serta pembenihan lebah kelulut.

nat menceburi bidang penternakan serangga yang terkenal dengan madu dihasilkan.

"Salah satu inisiatif yang kami lakukan untuk mempopularkan lebah kelulut ialah memberikan pendedahan kepada orang ramai kaedah dan

kelebihan menjadi penternak.

"Berbeza dengan lebah liar, lebah kelulut mudah dipelihara, di mana ia tidak memerlukan kawasan tertentu dan boleh diternak di kawasan rumah serta di mana sahaja.

"Pada peringkat permulaan, JBEEs telah adakan beberapa siri ceramah dan perkongsian pengalaman daripada mereka yang berjaya dalam ternakan serangga ini, termasuklah seorang yang kami gelar sifu atau penyelidik bebas lebah kelulut, yang popular dengan gelaran 'Pak Long' atau nama sebenarnya, Azmi Awang," katanya.

## Buka kilang proses hasil madu

Menurut Hazrul Nizam, pada pertengahan Mac depan, dijangka sebuah kilang untuk memproses hasil daripada madu lebah kelulut dibuka dengan kerjasama Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (Jejora).

Katanya, dalam masa Pelan 5 Tahun JBEEs sehingga 2021 nanti, pihaknya telah merancang untuk melau-

kukan penternakan dan pengeluaran lebah meluas, selain mampu mengeluarkan pelbagai produk secara berterusan daripada madu lebah kelulut serta penyelidikan mereka sendiri.

"Dalam masa sekarang JBEEs telah kenal pasti tiga hasil utama daripada lebah jenis ini, iaitu madu, propolis dan roti lebah (*beebread*), di mana *beebread* lebih banyak dihasilkan daripada lebah biasa.

"*Beebread* atau debunga adalah hasil baru daripada lebah yang boleh digunakan untuk menghasilkan sabun, majunkan dan ubat untuk penyakit gastrik serta sakit sendi.

"Kami harap lebih ramai yang akan jadi agen atau ahli kepada JBEEs, agar mereka lebih faham untuk sertai industri lebah kelulut dan tak terpengaruh dengan skim yang mengaitkan cara mudah jadi kaya dengan ternakan serangga ini," katanya.

Katanya lagi, orang ramai yang ingin menjadi ahli atau mengetahui kaedah yang betul dalam penternakan lebah kelulut, terutamanya da-



Koloni lebah kelulut, antara yang perlu dipelajari mereka yang mahu menceburi bidang ini ialah teknik pemecahan dan pembenihannya.

Salah seorang penternak lebah kelulut menunjukkan bongkah kayu dan koloni serangga berkenaan yang diletakkan di halaman rumahnya.



Pak Long (dua, kiri) menyerahkan bukunya yang berkaitan penternakan dan pemecahan serta pembenihan koloni lebah kelulut kepada Mohamad Zaky di samping Hazrul Nizam (kiri).

lam penghasilan koloni baharunya boleh menghubungi dengan JBEEs di talian 013-6163163 / 013-7579721 / 013-7555253.

Orang ramai juga boleh merujuk kaedah ternakan di laman web [www.johobees.com](http://www.johobees.com) atau *Facebook* *Johobees*.

## Dapat kerjasama UTM dan UTHM

Usaha JBEEs mempopularkan ternakan lebah ini turut mendapat kerjasama Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), selain bimbingan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi).

Menurut Dekan Fakulti Sains, Teknologi dan Pembangunan Insan UTHM, Prof Madya Dr Mohamad Zaky Noh, pihaknya sedia memberikan kerjasama melalui program Khidmat Masyarakat dan Komuniti yang akan jadi platform meningkatkan hubungan dua hala pihak universiti dengan komuniti.